



MERAIKAN graduan sempena Majlis Konvokesyen UPM.



MENYAMBUT Tahun Baru Cina anjuran MACMA Sabah, Hidayah Centre Foundation Sabah dan YADIM Sabah.

DR TAUFIQ ketika mengislamkan seorang saudara baru.



■ Dr Taufiq pimpin organisasi bantu saudara baru tepis tanggapan kelas bawahan

## SAINTIS KIMIA TERAJU MACMA

### KARISMA

Zaitie Satibi  
zaisa@hmetro.com.my

Riak wajahnya yang serius membuatkan penulis menganggap tokoh ini berperwatakan garang. Malah, kepetahannya berbicara dan lantang bila menyampaikan dakwah atau menyuarakan pendapat mengenai sesuatu isu mengukuhkan tanggapan itu.

Namun, selama hampir dua jam temuramah berjalan di biliknya di Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini, tanggapan penulis nyata silap kerana saintis kimia,

Profesor Dr Taufiq Yap Yun Hin, sebenarnya melucukan.

Ada saja perbualan kami yang membuatkan Ketua Pusat Penyelidikan Sains Katalisis dan Teknologi (PutraCAT) yang juga Ketua Makmal Kelestarian Kimia dan Biotenaga jabatan berkenaan meledakkan ketawa besar.

Dr Taufiq, 50, memulakan perbualan dengan menceritakan sedikit mengenai latar belakangnya. Mungkin ramai tidak tahu Dr Taufiq berasal daripada keluarga susah di Kota Kinabalu, Sabah. Bapanya meninggal dunia ketika beliau masih kecil dan ibunya berkahwin lagi.

"Saya dibesarkan bapa tiri dan kami lima sekeluarga termasuk dua adik saya tinggal menyewa sebuah bilik kecil di bandar. Kehidupan kami susah dengan bapa tiri berpendapatan kecil hasil bekerja di kedai kopi.

"Oleh itu, hampir setiap hari saya membantu peniaga pasar malam yang tidak jauh dari tempat tinggal. Saya bantu angkat

barang, tolak kereta sorong dan dapatlah sedikit upah buat belanja sekolah.

"Bagaimanapun, bapa tiri orangnya berjimat cermat dan hasil titik peluhnya juga, kami kemudian berpindah ke rumah pangsa. Pada masa sama emak baru melahirkan adik bongsu dan sudah tentu kami memerlukan ruang yang lebih selesa," katanya.

Katanya, bapa tirinya juga tidak bersikap pilih kasih apabila melayan semua ahli keluarga sama rata, selain tidak pernah memukul beliau dan adik-adik serta lebih suka memberikan nasihat untuk mengajar.

Disebabkan sudah biasa bekerja sejak kecil, Dr Taufiq menjana pendapatan sampingan dengan mengadakan kelas tambahan kepada pelajar sekolah rendah ketika beliau belajar di tingkatan enam.

"Hasil kelas tambahan itu dapatlah saya kira-kira RM600 sebulan dan ia digunakan untuk menyara kehidupan kami sekeluarga. Emak pada masa itu sudah mula menjual kuih kerana



**"Kami juga menyediakan platform kepada Cina Muslim menangani salah faham yang timbul berikutan masih tetap menjalankan cara hidup lama walaupun sudah beragama Islam dengan syarat ia tidak bercanggah dengan ajaran agama"**

Dr Taufiq

06-05-2018

rencana

67

**METROAHAD**

bapa tiri jatuh sakit sebelum meninggal dunia.

"Selepas tamat tingkatan enam saya sempat bekerja sebagai kerani kewangan sebuah bank selama tujuh bulan sebelum sambung belajar di Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) di Bintulu, Sarawak.

"Saya belajar di UPM sehingga peringkat sarjana muda dan setiap kali cuti semester, saya ambil peluang bekerja sebagai pembantu penyelidik bagi menampung kos pengajian.

"Tamat ijazah sarjana saya ditawarkan menjadi tutor di UPM sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah di Institut Sains dan Teknologi, Universiti Manchester (UMIST) United Kingdom dalam jurusan pemangkinan heterogen," katanya.

Beliau yang bertemu jodoh ketika berada di luar negara kemudian bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Kimia, Fakulti Sains, UPM sekembalinya ke tanah air pada penghujung 1997. Pada 2008, Dr Taufiq mengasaskan PutraCAT bagi mencapai kecemerlangan yang lebih disiplin dalam bidang penyelidikan pemangkinan (katalisis) pada skala global.

Pusat penyelidikan



**MENYAMPAIKAN** ceramah Hikmah dan Pengajaran Israk dan Mikraj kepada kariah Masjid Kariah Kampung Paya di Port Dickson.



**MACMA menerima jempunan** menghadiri sambutan 100 tahun masjid terbesar di Chiang Mai, Thailand iaitu Masjid Ban Haw.



**DR Taufiq (dua kiri)** ketika majlis perasmian Pusat Aktiviti MACMA Pontian yang disempurnakan Datuk Seri Ahmad Maslan (tiga kiri).

**PROFIL**

**NAMA:** Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin  
**JAWATAN:** Ketua Pusat Penyelidikan Sains Katalisis dan Teknologi (PutraCAT), Presiden MACMA  
**LAHIR:** 14 Januari 1968  
**TEMPAT LAHIR:** Kota Kinabalu, Sabah  
**PASANGAN:** Dr Amalina Abdullah, 48  
**ANAK:** Farah Hanani Yap, 22; Danial Anas Yap, 20; Adam Anas Yap, 18, dan Danish Anas Yap, 15  
**KELULUSAN:** Doktor Falsafah Pemangkinan Heterogen, Institut Sains dan Teknologi, Universiti Manchester (UMIST) United Kingdom

kerjasama Yayasan Restu. "Dalam usaha menyampaikan pengajaran Islam kepada komuniti Cina, MACMA juga menjadikan Sekolah Rendah Islam Awfa di Seremban 2, Negeri Sembilan sebagai sekolah angkat dengan kerjasama menyediakan guru bahasa Mandarin dan bertindak sebagai jambatan kepada hubungan jaringan untuk masyarakat bukan Islam itu," katanya.

Sumbangan besar Dr Taufiq dalam memartabatkan syiar Islam di peringkat kebangsaan dan global yang diiktiraf pelbagai pihak membolehkan beliau dianugerahkan Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan tahun lalu yang disampaikan Yang di-Pertuan Agong.

Dalam akademik pula, beliau pernah menerima Anugerah Saintis Muda Negara oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk saintis dengan pencapaian penyelidikan yang cemerlang bawah umur 35 tahun pada 2002.

Selain itu, beliau menerima anugerah Top Research Scientist Malaysia oleh Akademi Sains Malaysia pada 2013 dan Young Chemist Programme oleh International Union of Pure and Applied Chemistry (IUPAC) pada 2005.

Dr Taufiq memeluk Islam pada usia 15 tahun selepas membuat kajian sendiri mengenai tuhan dan asal usul manusia serta tujuan kehidupan di dunia.

Beliau tertarik dengan konsep ketuhanan yang jelas dalam Islam iaitu Yang Maha Esa atau tuhan yang satu, selain konsep setiap manusia dilahirkan suci tidak berdosa dan bersih daripada dosa selepas bertaubat membuktikan kasih sayang Allah terhadap hamba-Nya.

Beliau sering dijemput berdakwah menerusi pelbagai program ceramah termasuk di radio dan televisyen serta penulisan artikel keagamaan dalam akhbar.

Turut menganggotai Ahli Panel Pemikir Dakwah Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ahli Panel Majlis Perundingan Islam (MPI) Kluster Dakwah dan Kluster Sosial, Timbalan Pengerusi, Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Ahli Majlis Kebangsaan, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

mengurangkan persepsi salah terhadap Islam.

"Persatuan ini membawa misi yang sangat besar untuk menghubungkan kedua-dua komuniti berkenaan dan memberi kefahaman mengenai Islam kepada semua. Oleh itu kami benar-benar perlu memperkasakan komuniti Cina Muslim supaya tidak dipandang sebagai golongan kelas bawahan lepas memeluk Islam.

"Kami juga menyediakan platform kepada Cina Muslim menangani salah faham yang timbul berikutan masih tetap menjalankan cara hidup lama walaupun sudah beragama Islam dengan syarat ia tidak bercanggah dengan ajaran agama.

"Penubuhan pusat aktiviti MACMA di setiap negeri pula berperanan sebagai pusat sehati kepada komuniti Cina Muslim apabila tidak saja berfungsi menjalankan aktiviti dakwah dan tempat untuk saudara baru mendalami Islam, malah untuk mereka mendapatkan pelbagai bentuk bantuan dan perkhidmatan," katanya.

MACMA juga bekerjasama dengan komuniti Cina Muslim asing terutama di Indonesia, Thailand, China dan Taiwan dalam mengukuhkan hubungan antarabangsa untuk bertukar pendapat dan berkongsi ilmu agama.

"Selain berbangga dengan penubuhan koperasi MACMA cawangan Kelantan dan Terengganu, kami kini terlibat dalam projek menterjemah al-Quran ke bahasa Mandarin dengan

pengoksidaan pemangkinan heterogen dan sintesis nanomaterial.

Tidak setakat terbabit dalam bidang akademik, Dr Taufiq aktif dalam tugas badan bukan kerajaan apabila menyertai Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) sejak 1994. Beliau pernah menyandang jawatan timbalan presiden sebelum dipilih sebagai presiden selama dua penggal berturut-turut pada 2015

hingga 2019.

MACMA sebagai organisasi Cina Muslim yang mempunyai reputasi baik dan menjadi tempat rujukan penting berkaitan hal ehwal masyarakat berkenaan juga memainkan peranan sebagai jambatan antara komuniti Cina dan Muslim di negara ini dengan berkongsi mesej Islam yang universal kepada komuniti Cina yang lebih luas, di samping berjuang

**Suka makan dim sum**

**1. Aktiviti masa lapang?**  
Membaca dan mendengar radio

**2. Sajian kegemaran?**  
Dim sum

**3. Tip kesihatan, senaman rutin**  
Bermain badminton dan berkebun

**4. Impian yang belum dicapai?**

Mahu menambah ilmu agama dan pengetahuan Islam

**5. Pendorong?**  
Ibu, isteri dan guru

**6. Tokoh dikagumi?**  
Nabi Muhammad SAW

**7. Prinsip hidup?**  
Jika tidak mampu berbuat baik, jangan sekali-kali buat jahat

pertama dalam bidang katalisis di negara ini menyediakan penyelidikan dengan persekitaran saintifik yang menggalakkan penyelidikan, kerjasama dan latihan kepada penyelidik muda. Pelbagai topik penyelidikan dibawa oleh PutraCAT dan turut diiktiraf pada peringkat antarabangsa untuk kerja penyelidikan di kawasan